

**CHANGES IN THE ARCHITECTURAL ELEMENTS OF THE ISLAMIC
MINANGKABAU SOCIETY BASED ON THE MIGRATION PROCESS:
WEST SUMATRA, RIAU AND NEGERI SEMBILAN**

**PERUBAHAN ELEMEN SENI BINA MASYARAKAT ISLAM MINANGKABAU
BERDASARKAN PROSES MERANTAU: SUMATERA
BARAT, RIAU DAN NEGERI SEMBILAN**

Mohamad Hanif Abdul Wahabⁱ, Azizi Bahauddinⁱⁱ & Nor Aniswati Awang Lah^{iii*}

- ⁱ (*Corresponding Author*). Pensyarah Kanan. Kolej Pengajian Alam Bina, Universiti Teknologi MARA, Puncak Alam, Malaysia. hanif0552@uitm.edu.my
ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia. azizi@usm.my
ⁱⁱⁱ Pensyarah, Kolej Kemahiran Tinggi MARA, Rembau, Malaysia. Noraniswati.al@gmail.com

Received: 31 May 2024

Article Progress
Revised: 21 June 2024

Accepted: 30 June 2024

Abstract	<p><i>Minangkabau territory includes the central region of West Sumatra known as Darek to the rantau Eastern Minangkabau region in Riau and Negeri Sembilan. Pemekaran nagari or the territorial expansion of Minangkabau due to the migration process of the Muslim community witnessed the occurrence of architectural changes from darek, Minangkabau to the coastal region of rantau in Riau and Negeri Sembilan. This paperwork will present the changes in Minangkabau house architectural elements, which include Minangkabau Traditional House (RAM) in West Sumatra, Kampar Lentik House (RLK) in Riau, Indonesia and Negeri Sembilan Traditional House (RTNS) in Negeri Sembilan, Malaysia. Qualitative research based on exploratory, participant observation, social phenomenology and case study methods is used to generate research findings. The study found that changes occur due to merantau or migratory culture, which allows the process of adaptation and integration into the new environment. Migratory culture also generates innovative thinking in Minangkabau wanderers to change the elements of RAM in a new method into the physical form of RTNS and RLK.</i></p> <p>Keywords: <i>Evolution, Architecture, Minangkabau, Migration, Negeri Sembilan.</i></p>
Abstrak	<p><i>Alam Minangkabau merangkumi wilayah tengah Sumatera Barat yang dikenali sebagai Darek hingga ke rantau Timur Minangkabau di Riau dan Negeri Sembilan. Pemekaran nagari atau perluasan wilayah Minangkabau disebabkan oleh proses merantau masyarakat Islam Minangkabau menyaksikan berlakunya perubahan seni bina dari Darek, Minangkabau hinggalah ke rantau pesisir di Riau dan Negeri Sembilan. Kertas kerja ini akan membentangkan tentang perubahan elemen seni bina rumah Minangkabau yang merangkumi Rumah Adat Minangkabau (RAM) di Sumatera Barat, Rumah Lentik Kampar (RLK) di Riau, Indonesia dan Rumah Tradisional Negeri Sembilan (RTNS) di Negeri Sembilan, Malaysia. Kajian kualitatif berdasarkan kaedah penerokaan, pemerhatian dan penglibatan, fenomenologi sosial, dan kajian kes digunakan</i></p>

	<p><i>bagi menjana dapatan kajian. Kajian mendapati bahawa perubahan elemen seni bina rumah Minangkabau berlaku disebabkan budaya merantau yang membenarkan proses adaptasi dan penyesuaian dengan persekitaran baharu. Budaya merantau juga menjana pemikiran inovatif pada perantau Minangkabau hingga mengubah elemen-elemen RAM dalam kaedah baharu pada bentuk fizikal RTNS dan RLK.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Evolusi, Seni bina, Minangkabau, Merantau, Negeri Sembilan.</i></p>
--	---

PENGENALAN

Rumah Minangkabau merujuk kepada tempat tinggal masyarakat berketurunan suku Minangkabau (Hardono & Bahauddin, 2012). Yaakub Idrus (1996) menyatakan bahawa Rumah Adat Minangkabau (RAM), Rumah Lentik Kampar (RLK) dan Rumah Tradisional Negeri Sembilan (RTNS) adalah berkaitan. RLK dan RTNS didiami oleh keturunan suku Minangkabau beragama Islam dan terbentuk hasil daripada asimilasi dan proses merantau masyarakat suku Minangkabau yang berasal dari tanah induk atau *darek* di Sumatera Barat, Indonesia. Ia mempunyai elemen seni bina yang hampir identikal iaitu bentuk bumbung melentik atau bergonjong (Abdul Wahab, 2019).

Definisi perkataan "merantau" berasal dari bahasa dan budaya Minangkabau iaitu "rantau" yang bermakna wilayah-wilayah yang berada di luar wilayah *darek* atau induk Minangkabau iaitu *nagari* (negeri) Tanah Datar, Agam dan Lima Puluh Kota di Minangkabau, Sumatera Barat, Indonesia (Kato, 2005). Proses merantau oleh Masyarakat Minangkabau bermula dari wilayah induk Minangkabau yang dikenali sebagai *darek* di Sumatera Barat, Indonesia. Para perantau ini menuju ke Negeri Sembilan melalui laluan sungai di wilayah timur Sumatera iaitu Sungai Jambi/Batang Hari, Sungai Kuantan-Indragiri, Sungai Kampar dan Sungai Rokan/Siak di Riau, Indonesia (Ismail et al., 2014; Kato, 1997). Matlamat utama masyarakat lelaki Minangkabau merantau adalah untuk mencari kehidupan dengan membuka wilayah baru bagi tujuan pertanian. Proses ini secara tidak langsung telah menyebabkan pembangunan penempatan masyarakat perantau di hulu-hulu sungai tersebut yang akhirnya melebar perantauannya ke Rembau dan sekitarnya (Ismail et al., 2014).


Cabaran dan dugaan semasa proses merantau menyebabkan masyarakat perantau Minangkabau mempunyai sifat yang tersendiri. Mereka mampu berfikir secara inovatif, bersifat evolusi bagi disesuaikan dengan persekitaran setempat dan mampu berinteraksi serta berfungsi sebagai medium komunikasi secara sosiologi serta fenomenologi khususnya pembentukan rumah di rantau Kampar, Riau dan Rembau, Negeri Sembilan (Abdul Wahab, 2019; Irwana Omar et al., 2015; Naim, 1979). Ia mewujudkan ciri-ciri kesamaan pada prinsip pembinaan pada RTNS dan RLK yang cenderung untuk meniru atau mengadaptasi fungsi dan reka bentuk RAM dari perspektif kebudayaan Minangkabau iaitu adat matrilineal, kelarasan adat dan persekitaran *luhak* atau wilayah. Namun, proses mengadaptasi ciri-ciri kesamaan juga mewujudkan percambahan variasi perbezaan pada konsep dan komponen struktur rekabentuk ketiga-tiga buah rumah walaupun ia didiami oleh suku Minangkabau yang mengamalkan kebudayaan yang sama. Ia terpancar pada perincian elemen-elemen reka bentuk seni bina RAM, RLK dan RTNS di bahagian bumbung, dinding, bukaan pintu dan tingkap, tiang serta tangga.

BENTUK SENI BINA RUMAH MASYARAKAT ISLAM MINANGKABAU DI *DAREK*, KAMPAR-RIAU DAN NEGERI SEMBILAN

Rumah asal perantau Minangkabau di *darek* dikenali sebagai Rumah Adat Minangkabau (RAM) (Hardono, 2015). Bentuk bumbungnya lentik bergonjong menyerupai bentuk tanduk kerbau sempena kemenangan beradu kerbau antara Kerajaan Minangkabau ke atas Kerajaan Majapahit (Navis, 1984). Selain itu, bentuk bumbungnya dikaitkan dengan peniruan bentuk perahu atau kapal dengan variasi reka bentuk (Idrus, 1996; Ramelan & Febriola, 2013). Badan rumahnya melengkung landai seperti sebuah kapal yang dikaitkan

dengan sejarah kedatangan datuk moyang Masyarakat Minangkabau ke *darek* dari arah timur (Navis, 1984). Teori terakhir adalah bentuk keseluruhan RAM yang dikaitkan dengan susunan daun sirih di dalam cerana (Idrus, 1996; Navis, 1984). Bentuk asal pelan RAM di *darek* pada zaman primordial dibina ringkas dan tidak rumit (Couto & Darwis, 2010; Holt, 1967; James C. Snyder, 1984; Waterson, 1990). Ianya berbentuk segi empat tepat yang didirikan dengan sokongan barisan tiang-tiang (Couto, 1998; Darwis, 1981; Darwis & Couto, 2008; Syamsul Asri, 1996; Usman, 1985).


Rajah 1: Pandangan hadapan dan sisi kanan Rumah Adat Minangkabau (RAM) di *darek* Minangkabau, Sumatera Barat, Indonesia.



Sumber: Penulis

Seni bina Rumah Lentik Kampar (RLK) adalah rumah masyarakat suku Minangkabau yang telah berasimilasi dengan masyarakat tempatan di Kampar, Riau (Abdul Wahab, Bahauddin, & Awang Lah, 2022). Ia juga dikenali sebagai Rumah Gadang Lontik (Couto, n.d.) dan Rumah Adat Kampar kerana amalan kelarasan adat Minangkabau (Zulfa, 2012). Selain itu, bentuk hiasan kaki dinding di hadapan rumah RLK yang mirip seperti bentuk perahu menyebabkan ia juga dikenali sebagai Rumah Pencilang atau Rumah Lancang (Ny. Wahyuningsih & Rivai Abu, 1986). Istilah lancang atau pencilang berasal daripada perahu masyarakat tradisi Lima Koto Kampar yang hampir sama bentuknya dengan rumah kediaman mereka (Ny. Wahyuningsih & Rivai Abu, 1986). Bahagian yang paling identical pada RLK adalah lengkungan kayu tutup tiang yang mengikat dan menetapkan kedudukan tiang rumah. Kayu ini memberi kesan lentik pada dinding dan juga bentuk curur atap rumah. Kayu tutup tiang ini disokong dengan kayu lintang yang dikenali sebagai alang. Lantai pula dibina melengkung seperti lantai perahu menggunakan rasuk.


Rajah 2: Padangan hadapan dan sisi kiri Rumah Lentik Kampar (RLK) di Riau, Indonesia.



Sumber: Penulis

Masyarakat perantau suku Minangkabau telah merantau ke Negeri Sembilan sekitar 1400 tahun dahulu (Kato, 1997) melalui laluan sungai di wilayah Kampar di Riau, Indonesia. Mereka membina rumah yang dikenali sebagai Rumah Tradisional Negeri Sembilan (RTNS) Dan mengamalkan kelarasan adat perpatih yang hampir sama dengan adat matrilineal di *darek* (Hardono, 2015). RTNS mempunyai bumbung melengkung lentik yang dikaitkan bentuk bumbung RAM di Sumatera Barat (Ariffin, 2001; Hanafi, 1985; Hardono, 2015). Saiz RTNS lebih kecil berbanding RAM namun seakan sama dengan RLK. Reka bentuk bumbungnya sedikit melentik dan tebar layarnya dibina menegak (Fee, 2007). Yaakub Idrus (1996) mengaitkan bentuk bumbung RTNS dengan perahu kajang yang menjadi alat pengangkutan masyarakat di Negeri Sembilan pada masa dahulu. Adaptasi bentuk perahu pada RTNS hampir menyamai RLK kecuali lantainya yang mendatar dan tidak melengkung.

Rajah 3: Padangan hadapan dan sisi Rumah Tradisional Negeri Sembilan (RTNS) di Negeri Sembilan.



Sumber: Penulis

METODOLOGI DAN KAJIAN KES

Kajian ini merupakan sebuah penyelidikan kualitatif yang memberatkan usaha pencarian data secara pendekatan penerokaan (*exploratory*) (Hardono, 2015) melalui kaedah pemerhatian dengan penglibatan (*participant observation*) (Jasmi, 2012) dari sumber primer, perolehan keterangan temubual serta pemerhatian bukan numerikal. Sifat budaya merantau yang rawak dan sentiasa berubah dan berevolusi serta sentiasa berkembang pada masa ke semasa kesan daripada pengaruh persekitaran, cara hidup dan kepercayaan menyebabkan data pemboleh ubah (*variable*) yang dikumpul tidak tetap dan memerlukan penjelasan fenomena sosial.

Kajian kes dibahagi kepada tiga kumpulan mengikut jenis seni bina iaitu RAM, RLK dan RTNS dan usia binaan yang selari dengan tahun berlakunya proses merantau. Kumpulan 1 adalah seni bina RAM yang terletak di *darek*, Minangkabau di Sumatera Barat iaitu pusat (*epicentre*) bermulanya proses merantau. Usia binaan RAM di antara 170 hingga 350 tahun dianggap sebagai seni bina tua Minangkabau. Kumpulan 2 adalah seni bina RLK yang terletak di rantau Kampar-Riau iaitu kawasan perantaraan proses merantau ke Rembau dari *darek*. Usia binaan RLK di antara 200 hingga 320 tahun dianggap sebagai seni bina pertengahan Minangkabau. Kumpulan tiga pula adalah seni bina RTNS yang terletak di rantau Rembau iaitu kawasan berakhirnya proses merantau. Usia binaan RTNS di antara 130 hingga 150 tahun dianggap sebagai seni bina muda Minangkabau. Penilaian kajian kes telah dilakukan di ketiga-tiga lokasi lapangan dengan menilai aspek kriteria yang dinyatakan. Berdasarkan maklumat yang dianalisa, hasil kajian telah mengenal pasti sebuah rumah dari setiap kumpulan RTNS, RAM dan RLK untuk dianalisa seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Senarai kajian kes RTNS, RAM dan RLK untuk dianalisa.

Kumpulan	Nama Rumah	Kod Rumah	Usia Rumah	Lokasi <i>Luhak</i>
Rumah Tradisional Negeri Sembilan	Rumah Lanjong	RTNS	151 tahun	Rembau
Rumah Adat Minangkabau	Rumah Gadang Suku Kampai Nan Panjang	RAM	Sekitar 350 tahun	Minangkabau
Rumah Lentik Kampar	Rumah Lentik Suku Bendang	RLK	325 tahun	Kampar

Pembentukan elemen seni bina RTNS akibat proses merantau dikesan melalui kesamaan yang wujud pada ciri-ciri fizikal seni bina kajian kes. Oleh yang demikian, ketiga-tiga kumpulan kajian ini akan dianalisa bagi memperoleh perkaitan kesamaan sepertimana yang dilakukan oleh Sudirman Ismael, (2000) dan Setiawan Hardono, (2015) terhadap RAM dan RTNS serta kajian oleh Syamsul Asri, (2004) berasaskan prinsip pembinaan rumah Minangkabau iaitu kerangka struktur, komponen ruang dan ukiran. Setiawan Hardono, (2015) melakukan pengumpulan data dalam bentuk jadual dan deskripsi bergambar bagi memperlihatkan perkaitan pengaruh budaya. Dalam kajian ini, lapan sifat budaya merantau dikategorikan kepada tiga ciri-ciri mengikut persamaan seperti di Jadual 2.

Jadual 2: Tiga ciri-ciri merantau berdasarkan lapan sifat budaya merantau oleh Abdul Wahab, (2019), Irwana Omar et al., (2015) dan Naim, (1979).

Ciri-ciri Merantau		
Bersifat evolusi	Kaedah perhubungan	Berfikiran inovatif
Proses perkembangan dan evolusi	Proses persediaan untuk berumah tangga	Proses membina ruang dan peluang untuk mengekalkan keharmonian keluarga
Proses adaptasi dan penyesuaian dengan persekitaran	Menjadi medium perhubungan	Menjana pemikiran inovatif
Membentuk perbezaan sistem sosio-budaya		
Proses menerima perubahan dan penyambung budaya		

ANALISA PERKAITAN ELEMEN SENI BINA RUMAH MINANGKABAU RTNS, RAM DAN RLK DENGAN CIRI-CIRI BUDAYA MERANTAU

Analisis data dilakukan bagi menilai kesamaan elemen seni bina RAM, RLK dan RTNS dengan tiga ciri-ciri merantau. Setelah itu, kajian akan menilaivisual perubahan elemen seni bina yang berlaku pada ketiga-tiga rumah Minangkabau. Analisa kesamaan terhadap ketiga-tiga bahagian ini dilakukan melalui keadah jadual kesamaan berasaskan tiga prinsip seni bina iaitu kerangka struktur, komponen ruang serta ragam hias seperti di Jadual 3. Kerangka struktur merangkumi elemen tiang, rasuk dan gelegar serta bumbung. Komponen ruang merangkumi tangga, lantai, dinding dan siling. Manakala elemen ragam hias merangkumi bahagian dinding dalaman dan dinding luaran.

Jadual 3: Analisa kesamaan elemen seni bina pada rumah kajian kes RAM, RLK dan RTNS.

Aspek kajian	Bil	Elemen seni bina	Kesamaan elemen seni bina			Ciri-ciri merantau
			RAM	RLK	RTNS	
Kerangka struktur	1	Tiang				
		1 batang balak	●	●	●	Bersifat evolusi
		Dipotong sisi	●	●	●	Bersifat evolusi
		Dialas batu	●	●	●	Bersifat evolusi
	2	Rasuk dan Gelegar				
	Jenis tanggam lubang dan puting	●	●	●	Bersifat evolusi	

		Kaedah pasak kayu kambi / tiada paku	●	●	●	Bersifat evolusi
		Kaedah pemasangan pangkal rasuk menindih hujung rasuk	●	●	●	Bersifat evolusi
		Kaedah tiang gantung	●	●	●	Berfikiran inovatif
		Kaedah pemasangan rasuk secara dua lapisan dan susun sisi	●	●	●	Bersifat evolusi
	3	Bumbung				
		Bergonjong / lentik	●	●	●	Bersifat evolusi
		Struktur bumbung 'V' terbalik	●	●	●	Bersifat evolusi
		Bahan atap dari jenis daun tumbuhan	●	●	●	Bersifat evolusi
		Pemasangan perabung, tunjuk langit dan kekuda	●	●	●	Bersifat evolusi
		Penggunaan tebar layar	●	●	●	Bersifat evolusi
		Penggunaan papan tumpu kasau	●	●	●	Bersifat evolusi
		Penggunaan gulung-gulung atap	●	●	●	Bersifat evolusi
Komponen ruang	4	Tangga				
		Jenis larian lurus	●	●	●	Bersifat evolusi
		Bilangan anak tangga ganjil	●	●	●	Bersifat evolusi
		Dibina dihadapan dengan anjung tangga	●	●	●	Bersifat evolusi
	5	Lantai				
		Bahan buluh	●			-
		Bahan papan kayu		●	●	Berfikiran inovatif
		Berongga	●	●	●	Bersifat evolusi
	10	Dinding				
		Anyaman buluh	●			-
		Papan kayu	●	●	●	Bersifat evolusi
		Bukaan tingkap ke arah dalam	●	●		-
		Bukaan pintu ke arah dalam	●	●		-
	6	Siling				
	Penutup ruang bawah bumbung		●	●	Berfikiran inovatif	
	Penutup atas bilik	●	●	●	Bersifat evolusi	
Ragam Hias	7	Dinding dalaman				
		Kaligrafi Arab		●	●	Bersifat evolusi
		Ukiran arca gasing-gasingan	●	●	●	Bersifat evolusi
		Ukiran tebuk timbul		●	●	-
		Bermotif flora dan fauna		●	●	-
	8	Dinding luaran				
		Ukiran arca gasing-gasingan	●	●	●	Bersifat evolusi
		Ukiran tebuk timbul	●	●	●	Bersifat evolusi
		Bermotif flora dan fauna	●	●	●	Kaedah perhubungan

Berdasarkan kaedah pemerhatian melalui penglibatan (*participant observation*) di Jadual 3, terdapat kesamaan elemen pada seni bina RTNS dengan rumah RAM dan RLK. Kesamaan tersebut dikesan melalui penandaan noktah hitam pada tiga elemen seni bina iaitu kerangka struktur, komponen ruang serta ragam hias di RAM, RLK dan RTNS. Ia juga menunjukkan pembentukan seni bina RTNS dipengaruhi oleh rumah RAM dan RLK melalui

budaya merantau dari *darek*, Sumatera Barat melalui Sungai Kampar-Siak di Riau, Indonesia. Kesamaan pada rumah RTNS dan RAM adalah pasti kerana kedua-duanya berasal dari kebudayaan yang sama.













DAPATAN KAJIAN DAN RUMUSAN













Disebalik kesamaan, berlaku perubahan elemen seni bina yang membentuk variasi reka bentuk pada rumah RTNS dengan RAM dan RLK. Ia berlaku disebabkan budaya merantau yang membenarkan proses adaptasi dan penyesuaian dengan persekitaran baharu. Budaya merantau juga menjana pemikiran inovatif pada perantau Minangkabau hingga mengubah elemen-elemen RAM dalam kaedah baharu pada bentuk fizikal RTNS dan RLK. Hasil temubual bersama pakar budaya merantau, Dr. Mochtar Naim menyatakan bahawa adalah sesuatu yang aneh dalam membincangkan kesan merantau pada seni bina jika tiada perbezaan di antara kedua-duanya. Ini kerana sifat merantau itu menyerap pengaruh yang tidak hanya bersifat maklumat, budaya tetapi juga kemanusiaan dan teknologi. Hal ini mencetus apa yang disebut sebagai cabang kebudayaan (*subculture*) yang berevolusi dan menjadi pegangan masyarakat Islam Minangkabau di tanah rantau. Tambahan pula, perantau Minangkabau yang tiba di tanah rantau Rembau telah berasimilasi di pesisir Sungai Kampar- Siak dan menjalani kehidupan di tebing-tebing sungai serta bercampur dengan Masyarakat Melayu pesisir. Mereka terlebih dahulu membina seni bina rumah RLK di Kampar yang mempunyai ciri-ciri masyarakat Melayu pesisir. Dari sekitar kawasan Sungai Kampar-Siak ini, adaptasi pengaruh seni bina telah dibawa masuk ke RTNS dan berlaku evolusi seni bina sekali lagi.

Dapat dirumuskan bahawa walaupun rumah masyarakat Islam Minangkabau ini identikal, namun beberapa elemen seni bina dilihat mempunyai variasi dengan RAM serta RLK yang menjadi perantaraan kedua-dua lokasi. Jadual 4 menjelaskan perubahan elemen seni bina tersebut melalui pemetaan generik dan variasi evolusi komponen RTNS, RAM dan RLK berdasarkan kebudayaan Minangkabau iaitu persekitaran *luhak* yang dibawa oleh perantau Minangkabau.

Jadual 4: Pemetaan generik dan variasi perubahan elemen seni bina RTNS dengan perkaitan kesamaan elemen reka bentuk RAM dan RLK akibat proses merantau.

RAM	RLK	RTNS
Perubahan bentuk lengkung pada perabung bumbung rumah Minangkabau.		
		
Lengkung perabung yang lentik tinggi dan bergonjong kesan peniruan bentuk tanduk kerbau.	Lengkung perabung masih kelihatan melentik namun rendah. Bentuk berasaskan perahu Pencalang atau Lancang.	Lengkung perabung sangat minimum namun tidak bergonjong. Ia masih mengekalkan ciri asas lengkungan berasaskan bentuk perahu Kajang kesan daripada persekitaran <i>luhak</i> pesisir.
Perubahan pada papan <i>dempa-dempa</i> /cucuran atap/tumpu kasau atau papan cantik pada sisi bumbung.		
		
Papan <i>dempa-dempa</i> RAM yang diukir cantik dengan motif itik	Papan cucur atap RLK yang diukir cantik dengan motif lebah	Papan tumpu kasau RTNS yang diukir cantik dengan motif lebah

pulang sepetang di penghujung kasau bumbung.	bergantung di penghujung kasau bumbung.	bergantung di penghujung kasau bumbung adalah menyamai motif ukiran di RLK di <i>luhak</i> Kampar.
Perubahan bukaan tingkap dengan dua daun.		
		
Tingkap RAM dengan bukaan dua daun yang dibuka ke arah dalam rumah berfungsi untuk menghadkan penglihatan dari luar ke dalam rumah.	Tingkap RLK dengan bukaan dua daun yang dibuka ke arah dalam rumah adalah pengaruh seni bina RAM.	Tingkap RTNS dengan bukaan dua daun yang dibuka ke arah luar rumah adalah kaedah tukang tempatan di persekitaran <i>luhak</i> Rembau.
Perubahan motif ukiran pada bukaan pintu dengan dua daun.		
		
Pintu RAM dengan motif ukiran larik pada bukaan dua daun yang dibuka ke arah dalam rumah.	Pintu RLK tanpa ukiran pada bukaan dua daun yang dibuka ke arah dalam rumah.	Pintu RTNS dengan ukiran flora pada bukaan dua daun yang dibuka ke arah dalam rumah.
Perubahan kaedah potong sisi pada tiang atau <i>tonggak</i> .		
		
<i>Tonggak</i> RAM yang dipotong 12 sisi pada berbentuk silinder. Permukaan sisi tiang yang terhad tertumpu pada pemasangan gelegar dan rasuk secara tetap.	Tiang RLK yang dipotong 8 sisi pada berbentuk silinder. Pemasangan gelegar dan rasuk dapat dilakukan khususnya untuk pembinaan ruang loteng.	Tiang RTNS yang dipotong 4 sisi pada berbentuk segi empat. Empat permukaan rata memudahkan pemasangan gelegar dan rasuk untuk penambahan ruang.
Perubahan kaedah alas tiang dari bahan batu untuk kestabilan rumah.		
		
Alas tiang RAM dari bahan batu sungai berbentuk bulat berfungsi sebagai penstabil jika berlaku gegaran gempa bumi di <i>darek</i> .	Alas tiang RLK dari bahan batu sungai mendatar yang rata berfungsi untuk menghalang rumah dari berlaku mendapan dan hakisan kerana jenis tanah	Alas tiang RTNS dari bahan konkrit yang rata berfungsi untuk menghalang rumah dari berlaku mendapan dan hakisan kerana jenis tanah berpasir di

	berpasir di tebing sungai sekitar <i>luhak</i> Kampar.	tebing sungai sekitar <i>luhak</i> Rembau.
Perubahan kaedah tiang gantung atau kayu tetupai yang mengunci kasau lantai di tepi tiang.		
		
Tiang gantung berukir pada RAM di bahagian luar tiang rumah yang mengunci kasau lantai menggunakan kayu pasak. Tiang gantung dipasang secara mendatar dari dinding rumah hingga ke batu alas tiang.	Tiang gantung berukir pada RLK di bahagian luar tiang rumah yang mengunci kasau lantai. Tiang gantung dipasang secara menegak dari bendul lantai hingga ke batu alas tiang.	Kayu tetupai atau tiang gantung berukir pada RTNS di bahagian luar tiang rumah yang mengunci kasau lantai. Ia menyamai tiang gantung RLK namun lebih pendek dan dipasang tergantung secara menegak dari bendul lantai.
Perubahan bentuk gasing-gasingan sebagai kekisi penghadang, ruang udara dan penglihatan.		
		
Gasing-gasingan pada RAM dari ukiran jenis arca berfungsi sebagai kekisi penghadang, ruang udara dan penglihatan.	Gasing-gasingan pada RLK dari ukiran jenis arca berfungsi sebagai kekisi penghadang, ruang udara dan penglihatan. Di bahagian kiri dan kanannya kayunya diukir penuh dengan motif kaluk paku.	Gasing-gasingan pada RTNS dari ukiran jenis arca berfungsi sebagai kekisi penghadang, ruang udara dan penglihatan. Bahan kayu yang diukir larik ini juga diukir penuh dengan motif keluk pakis di bahagian kiri dan kanannya.
Perubahan ketetapan jumlah anak tangga dalam bilangan ganjil iaitu 5 dan 7.		
		
Bilangan 7 anak tangga dalam bilangan ganjil pada RAM menunjukkan ternakan haiwan bersaiz kerbau diletakkan di kolong rumah.	Bilangan 7 anak tangga dalam bilangan ganjil pada RLK menunjukkan ternakan haiwan bersaiz kerbau diletakkan di kolong rumah.	Bilangan 5 anak tangga dalam bilangan ganjil pada RTNS menunjukkan ternakan haiwan bersaiz kambing dan ayam diletakkan di kolong rumah.
Perubahan pemasangan papan sekeping pada dinding secara menegak dan melintang dengan ukiran.		
		
Kaedah binaan dinding RAM menggunakan papan sekeping	Kaedah binaan dinding RLK menggunakan papan sekeping	Kaedah binaan dinding RTNS menggunakan papan sekeping

yang disusun secara menegak dan melintang. Bagian melintang diukir penuh dengan motif akar cina dua ganggang.	yang disusun secara menegak dan melintang. Bagian kaki dinding yang melintang diukir dengan motif kaluk paku.	yang disusun secara menegak dan melintang. Bagian melintang adalah papan kambi yang diukir penuh bermotifkan kaluk paku bertindih akar.
Perubahan elemen gerbang dengan bentuk gunungan.		
		
RAM memaparkan ciri-ciri lengkungan asas gerbang dengan bentuk gunungan yang kosong dan mulai diukir cantik dengan motif akar cina segagang.	Ciri-ciri lengkungan gerbang RLK dengan variasi bentuk gunungan dan diukir bermotifkan kaluk paku.	Ciri-ciri lengkungan gerbang RTNS dengan variasi bentuk gunungan dan diukir bermotifkan keluk pakis dan kuntum bertuah.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini telah ditaja oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dan Universiti Teknologi MARA dibawah biasiswa Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) No. Rujukan: KPT(BS)780317087053.

RUJUKAN

Buku

- Abdul Wahab, M. H. (2019). *Perubahan Seni Bina Dalam Konteks Budaya Merantau Dan Kesannya Terhadap Rumah Tradisional Negeri Sembilan, Malaysia*. Universiti Sains Malaysia.
- Ariffin, S. I. (2001). *Order in Traditional Malay House Form*. Oxford Brooks University.
- Couto, N. (1998). *Makna dan Unsur-Unsur Visual pada Bangunan Rumah Gadang*. Institut Teknologi Bandung.
- Fee, C. V. (Ed.). (2007). *The Encyclopedia Of Malaysia Vol. 5: Architecture*. Singapore: Editions Didier Millet Pte Ltd.
- Hanafi, Z. (1985). *Kompendium Sejarah Seni Bina Timur*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Hardono, S. (2015). *Pengaruh Matrilineal pada Susun Atur Ruang Dalaman Rumah Tradisional Negeri Sembilan dan Rumah Adat Minangkabau Sumatera Barat*. Universiti Sains Malaysia.
- Holt, C. (1967). *Art in Indonesia: Continuities and Change*. New York: Cornell University Press.
- Idrus, Y. (1996). *Rumah Tradisional Negeri Sembilan Satu Analisis Seni Bina Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Irwana Omar, S., Salim, N., & Mohamed, B. (2015). Tradisi Merantau Masyarakat Melayu Dahulu dan Sekarang: Suatu Perbandingan. In M. K. A. R. N. Zainun, R. A. Hamid (Ed.), *Kearifan Tempatan: Pengalaman Nusantara: Jilid 1 – Berasal dari Akar* (28–42). Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- James C. Snyder. (1984). *Architectural Research (Environmental Design Series)*. New York: Van Nostrand Reinhold Company.
- Kato, T. (2005). *Adat Minangkabau Dan Merantau Dalam Perspektif Sejarah*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Naim, M. (1979). *Merantau: Pola Migrasi Suku Minangkabau*. Gadjah Mada University Press.
- Navis, A. A. (1984). *Alam Berkembang Jadi Guru Adat Dan Kebudayaan Minangkabau*. Jakarta, Indonesia: Penerbit PT Pustaka Grafitipers.

- Ramelan, W. D. S., & Febriola, Y. (2013). *Rumah Tuo Kampai Nan Panjang: Kajian Nilai-Nilai Budaya Dan Pemanfaatannya*. Depok.
- Syamsul Asri. (1996). Minangkabau (The Design Construction and the Meaning of Traditional House in Minangabau, West Sumatera). In *Traditional Dwellings in Western Indonesia and Ways of Their Inhabitation*. Leiden.
- Usman, I. (1985). *Seni Ukir Tradisional Pada Rumah Adat Minangkabau: Teknik, Pola dan Fungsinya*. Institut Teknologi Bandung.
- Waterson, R. (1990). *The Living House: An Anthropology of Architecture in South-East Asia*. Singapore/Oxford/New York: Oxford University Press.
- Zulfa. (2012). *Tradisi Basiacuang Pada Masyarakat Melayu Kampar-Riau*. Universitas Indonesia.

Jurnal

- Kato, T. (1997). Dynamics of the Frontier World in Insular Southeast Asia: An Overview. *Southeast Asian Studies*, 34(4), 611–621.

Laman Sesawang

- Couto, N. (n.d.). Ragam Bentuk Rumah Adat Minangkabau Gajah Maharam Gonjong Ampek Sibak Baju. <https://nasbahrygallery1.blogspot.com/2013/07/ragam-bentuk-rumah-adat-minangkabau.html> (diakses pada 10 Oktober 2017).
- Couto, N., & Darwis, H. (2010). Morfologi Bentuk Bangunan Tradisi Minangkabau Sebagai Refleksi Budaya. <http://visualheritageblog.blogspot.my/2010/12/morfologi-bentuk-bangunan-tradisi.html> (diakses pada 5 April 2016).
- Darwis, H., & Couto, N. (2008). Perubahan Bentuk Dan Fungsi Ruang Bangunan Tradisi Minangkabau. <http://visualheritageblog.blogspot.my/2010/12/morfologi-bentuk-bangunan-tradisi.html> (diakses pada 8 Julai 2016).

Persidangan

- Abdul Wahab, M. H., Bahauddin, A., & Awang Lah, N. A. (2022). Pengaruh Budaya Merantau Terhadap Evolusi Seni Bina Rumah Tradisional Negeri Sembilan, Malaysia. In: N. A. Mohd Yusof, L. C. Chuen, J. Jamaludin, & N. Hassan (Eds.), *5th Technology, Science, Social Sciences, and Humanities International Conference (TeSSH2022)* (302–312). Merbok: UiTM Kedah.
- Darwis, H. (1981). *Sebuah Tinjauan Tentang Arsitektur Moderen dengan ciri Tradisional Minangkabau*. In Seminar Jurusan Arsitektur STT-SB.
- Hardono, S., & Bahauddin, A. (2012). *Warisan Budaya Rumah Minangkabau Negeri Sembilan dan Sumatera Barat: Ruang Dalaman dan Pengaruh Matrilineal*. In The 9th Regional Symposium of The Malay Archipelago 2012 (330–337). Perak.
- Jasmi, K. A. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif*. In Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012, Puteri Resort Melaka, 28-29 Mac 2012. Melaka.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini